




10 November 2016



Kehidupan Melayu di Tanjong Zaman Sebelum Kemerdekaan

Syarahen oleh
Tan Sri Dato' Seri Mohd. Yussof Latiff

Mengenai

Syarahen Cenpris – Dato’ Jenaton

CenPRIS Dato’ Jenaton Lectures

Siri Syarahan Cenpris-Dato’ Jenaton bertujuan berkongsi dan merakamkan cerita-cerita mengenai kehidupan dan pemikiran masyarakat Melayu-Islam di Pulau Pinang. Ia menjemput individu sebagai sumber sejarah dan penceramah dari pelbagai latarbelakang dan bidang untuk bercerita, mentafsir, dan menggalakan sejarah dan warisan Melayu serta pertembungan Melayu-Islam dengan budaya-budaya dan etnisiti dalam dan luar rantau kepulauan Melayu.

Syarahen Cenpris – Dato’ Jenaton

Dianjurkan oleh Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa [CenPRIS], Universiti Sains Malaysia, dengan kerjasama Keluarga Dato’ Jenaton [K-Jenaton], Persatuan Sejarah dan Warisan Melayu Pulau Pinang [PEWARISAN] dan Unit Sejarah Lisan, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.

Tan Sri Dato' Seri Haji Mohd Yussof Latiff

Biodata

Tan Sri Dato' Seri Haji Mohd Yussof Latiff dilahirkan pada 11 Ogos 1930 di Pulau Pinang Beliau merupakan anak yang kelima daripada tujuh orang adik beradik. Mendapat pendidikan awal di sekolah Melayu Chowrasta dan sekolah Inggeris, dan telah berumah tangga pada tahun 1958 dengan Datin Hajjah Aishah Bt Ismail dan dari perkahwinan ini telah dikurniakan seramai 4 orang anak, dua orang lelaki dan dua perempuan. Beliau aktif sejak zaman remaja sehingga kini, dengan menjawat perbagai jawatan penting dalam pertubuhan sukarela, masyarakat, sukan dan juga aktif dalam bidang politik. Beliau telah memulakan kerjayanya sebagai ahli perniagaan sejak tahun 1960an dan hasil dari usaha gigih, beliau kini telah berjaya menjadi seorang ahli korporat yang terkenal di Pulau Pinang.

Beliau mula melibatkan diri secara aktif dalam politik mulai 1947. Pada tahun 1964 beliau telah dilantik sebagai Setiausaha Politik yang pertama kepada Ketua Menteri Pulau Pinang (Tan Sri Wong Pow Nee) dan memegang jawatan tersebut sehingga tahun 1969. Beliau juga pernah memegang jawatan Setiausaha Parti Perikatan Pulau Pinang dan beberapa jawatan penting dalam pertubuhan UMNO Pulau Pinang. Bersama Persatuan Melayu Pulau Pinang (PEMENANG), beliau telah melibatkan diri secara aktif sejak tahun 1960 lagi hinggalah sekarang. Beliau merupakan penggerak utama dalam segala kegiatan PEMENANG, sebagai aktivis kebudayaan dan kesenian Melayu, serta aktivis masyarakat. Beliau telah memegang jawatan Presiden PEMENANG semenjak 1984 hingga sekarang.

Aturcara Majlis

10 NOVEMBER 2016

Biik Mesyuarat
Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa (CenPRIS)
Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang



- 3.00petang : Ketibaan Para Jemputan dan Pendaftaran
- 3.30petang : Ucapan Pengarah CenPRIS
Prof. Madya Dr. Azeem Fazwan Ahmad Farouk
- 3.40petang : Pengenalan Siri Syarahan
- 3.45petang : Syarahan Y. Bhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd.
Yussof Latiff
Presiden Peratuan Melayu Pulau Pinang/
Pertubuhan Amanah Warisan Melayu
Pulau Pinang
- 4.40petang : Sesi Interaksi
- 5.00petang : Majlis Bersurai

Kehidupan Melayu di Tanjong sebelum Zaman Kemerdekaan

oleh

Tan Sri Dato' Seri Mohd. Yusoff Latiff

Pengenalan

Telah tercatat dalam sejarah, Malaysia atau sebelumnya dikenali sebagai Persekutuan Tanah Melayu (Federation of Malaya) pernah dijajah oleh penjajah yang terdiri daripada Portugis, Belanda, British dan Jepun sebelum kemerdekaan dicapai pada 31 Ogos 1957. Kesemua penjajah yang pernah datang dan menduduki negara ini, mempunyai cerita tersendiri dan seterusnya mengurus dan menjalankan pentadbiran mereka di sini. Negeri Pulau Pinang tidak terkecuali daripada kesan penjajahan kesemua penjajah yang pernah menduduki negeri yang terkenal dengan nama Pulau Mutiara ini. Pendudukan penjajah bermula dengan kedatangan Francis Light ke negeri ini sehingga tercatat dalam beberapa buku sejarah malahan "diterima" sebagai sejarah rasmi, Francis Light dianggap sebagai individu yang mula-mula sekali membuka Pulau Pinang walau terdapat bukti yang mengatakan sebaliknya. Kedatangan dan pendudukan British membuka lembaran baharu wajah Pulau Pinang hingga menjadi antara pelabuhan yang berpengaruh pada satu ketika dahulu. Setelah beberapa lama British mentadbir Tanah Melayu, maka datang pula Jepun pada 1942 sebelum mereka meninggalkan Tanah Melayu pada 1945 setelah tamatnya Perang Dunia Kedua.

British kembali semula mentadbir negara ini dan tempoh antara 1945 dan 1946 pula menyaksikan kewujudan Malayan Union yang ditentang hebat oleh orang Melayu terutamanya di Pulau Pinang dan pada ketika inilah juga wujudnya UMNO menerusi usaha yang digerakkan Dato' Onn bin Jaafar. Penentangan ini membuatkan British akur untuk menyerahkan negara ini kepada rakyat dan akhirnya pada 1957 Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan sebelum Malaysia pula dibentuk pada 1963.




Penempatan Melayu Tanjong yang terawal di Pulau Pinang

Orang Melayu Tanjong, hartawan dan tanah wakaf

Kedudukan Orang Melayu di bandar utama Pulau Pinang iaitu Georgetown atau Tanjong pada satu ketika adalah amat baik. Orang Melayu di sini merupakan golongan yang dihormati dan terdiri daripada mereka yang mempunyai harta atau hartawan. Ramai juga di antara mereka yang memiliki pelajaran yang tinggi dan dihormati dalam kerajaan.

Dari segi kehidupan, ada di antara orang Melayu merupakan golongan kacukan iaitu golongan yang berkahwin campur, samaada orang Melayu yang berkahwin dengan orang yang berketurunan India, Arab mahupun Aceh. Mereka ini dikenali sebagai Jawi Peranakan atau turut dikenali sebagai Jawi Pekan. Orang-orang Arab, India dan Aceh ini adalah merupakan golongan peniaga yang berhijrah dari tanah asal mereka ke Pulau Pinang.

Dari segi pendidikan, ada sebahagian daripada orang Melayu di Tanjung yang mendapat pendidikan Inggeris dan ada juga di antara mereka yang berlatarbelakangkan pendidikan agama. Mereka yang dikatakan sebagai golongan yang terpelajar ini ini sememangnya dihormati oleh pihak British di mana mereka juga menjawat jawatan sebagai guru, kerana di pejabat kerajaan malahan ada yang berpangkat tinggi.




Gaya dan keterampilan Melayu Tanjong sebelum 1957.

Sekitar tahun 1900, Pulau Pinang khususnya di kawasan bandar khususnya di Tanjung turut menyaksikan lahirnya ramai hartawan-hartawan Melayu yang memiliki perniagaan dan kekayaan. Mereka menggunakan harta dan kekayaan mereka untuk kebaikan orang Melayu dan Islam di mana mereka menyalurkan kekayaan mereka dengan membina rumah ibadat seperti masjid serta mereka turut mewakafkan tanah mereka untuk masjid dan sekolah agama. Mereka juga mewakafkan tanah mereka untuk kegunaan lain seperti perkuburan Islam dan ada juga tanah wakaf ini didirikan penempatan orang Melayu dan Islam seperti wakaf Haji Kassim Kampung Makam, wakaf Hashim Yahya di Jalan Perak, wakaf Sheikh Yusof di Kampung Baru Air Hitam serta wakaf Kapitan Keling di Lebu Pitt. Tanah-tanah wakaf ini pada hari ini sangat bernilai tinggi namun ia adalah aset penting kepada orang Melayu di Pulau Pinang dalam memastikan orang Melayu terus wujud sekalipun dalam arus pemodenan sekarang ini. Tanpa tanah wakaf ini pastinya sukar untuk orang Melayu terus menempatkan diri di Pulau Pinang dan kewujudan tanah-tanah wakaf hasil sumbangan hartawan-hartawan di Tanjung sebelum ini adalah jasa terbesar mereka kepada kelangsungan hidup orang Melayu di Pulau Pinang.

Aktiviti Sosial Melayu Tanjong sebelum Merdeka

Pada satu ketika, khususnya sebelum Jepun datang ke Tanah Melayu, pihak British sememangnya menggalakkan orang Melayu untuk terlibat dalam aktiviti berpersatuan. Namun setelah beberapa lama, terserlah bahawa terdapat agenda tersembunyi di sebalik penggalakkan ini. Berbagai jenis persatuan telah ditubuhkan khususnya yang melibatkan aktiviti kesukanan seperti persatuan bolasepak serta yang membabitkan aktiviti kemasyarakatan. Orang British pada ketika itu disifatkan sebagai orang yang mempunyai diplomasi yang tinggi. Hakikat sebenar di sebalik penggalakkan British ini ialah mereka ingin mengawasi pergerakan orang Melayu atau dalam erti lain mudah untuk mereka mengawal pergerakan orang Melayu. Salah satu cara mereka mengawal pergerakan persatuan ini termasuklah dengan meletakkan wakil mereka sendiri dalam persatuan sama ada sebagai penasihat dan sebagainya. Antara persatuan yang wujud pada ketika itu termasuklah Young Muslim Union (YMU). YMU iaitu satu gerakan yang ditubuhkan oleh golongan intelektual Melayu. Namun YMU ini yang ditubuhkan oleh mereka yang dikatakan sebagai terpelajar ini hanya boleh disertai golongan elit Melayu iaitu golongan yang mempunyai kedudukan dari segi pangkat dan kekayaan di Pulau Pinang pada ketika itu. Kemudiannya pada tahun 1927, maka tertubuhlah pula satu lagi persatuan Melayu yang dikenali sebagai Persatuan Melayu Pulau Pinang atau PEMENANG yang boleh disertai pelbagai golongan Melayu.

Bagaimanapun, pada ketika pendudukan Jepun antara tahun 1942 hingga 1945, Jepun sama sekali menghadkan kewujudan dan pergerakan persatuan-persatuan terutamanya persatuan Melayu untuk bergerak aktif dan selepas British kembali semula ke Tanah Melayu selepas 1945, aktiviti persatuan diaktifkan semula.



Ahli-ahli pengasas Penang Malay Organization pada Mesyuarat Agung Pertama pada 19 Mei 1927.

Persatuan Melayu Pulau Pinang (PEMENANG)

Hasil daripada kesedaran dan penggalakkan British sendiri untuk berpersatuan, pada tahun 1927 ditubuhkan Persatuan Melayu Pulau Pinang, PEMENANG. Berbanding dengan Young Muslim Union, YMU yang ditubuhkan oleh golongan elit Melayu, PEMENANG pula ditubuhkan hasil gabungan golongan elit dan bukan elit. Sepanjang kewujudan PEMENANG selama hampir 90 tahun ini, telah banyak isu dan perkara yang dibawakan ke muka pemerintah atau pentadbir khususnya British pada ketika itu.

Antara usul atau isu yang signifikan yang dibawakan Pemenang termasuklah pada tahun 1928, sebahagian pemimpin Melayu pada ketika itu mengemukakan cadangan kepada pihak British di London untuk membeli sebidang tanah dan menjadikannya sebagai Malay Reservation atau Malay Settlement dan British bersetuju di mana nilai tanah yang ingin dibeli pada ketika itu berharga sekitar 42,000 Dollar. Itulah juga satu-satunya tanah Malay Settlement yang diwujudkan oleh kerajaan British yang dikenali sebagai Kampung Melayu.


Selepas berakhirnya era pendudukan Jepun dan British kembali ke Tanah Melayu, pihak British mengilhamkan gagasan Malayan Union. Pada ketika ini telah berlaku penentangan di kalangan orang Melayu terhadap hasrat British. Maka pada tahun 1946, dengan diketuai Dato' Onn bin Jaafar maka tertubuhlah UMNO di mana PEMENANG juga merupakan antara persatuan terawal yang bergabung mewujudkan UMNO. Pada masa tertubuhnya UMNO dan diwujudkan pula UMNO negeri-negeri, terdapat beberapa persatuan Melayu negeri lain dibubarkan tetapi PEMENANG tidak dibubarkan berikutan hasrat pemimpin-pemimpin persatuan itu dan ahli-ahlinya sendiri yang mahu melihat PEMENANG dipisahkan daripada politik atau tidak dikaitkan sebagai badan politik.

Presiden PEMENANG sekarang, Tan Sri Yusof Latif mula bergiat dengan persatuan itu pada tahun 1960 dan kini telah 56 tahun bersama PEMENANG. Beliau mula menjawat jawatan Presiden selama 32 tahun semenjak 1984.

Banyak pengalaman yang diraih beliau bersama-sama PEMENANG sejak mula terlibat pada tahun 1960 terutamanya hasil pengalaman bersama-sama pemimpin terdahulu. Sekalipun zaman terus berubah, peranan PEMENANG dalam membela dan mengetengahkan isu-isu orang Melayu tidak pernah berubah. Ia masih lagi aktif dalam menganjurkan pelbagai aktiviti sosial, sukan, agama dan sebagainya. Sebagai menghargai sumbangan dan jasa Seniman Agung Negara, Tan Sri P. Ramlee yang juga anak jati Pulau Pinang dalam bidang seni, PEMENANG turut mewujudkan Kelab Peminat P. Ramlee. PEMENANG juga menjadi penggerak kepada kewujudan IKATAN, iaitu gabungan NGO Melayu Pulau Pinang bagi memastikan suara orang Melayu khususnya di Pulau Pinang terus kuat. Sebagai menghormati suasana masyarakat majmuk di negara ini, PEMENANG juga merupakan antara tenaga penggerak dalam mewujudkan Majlis Perundingan Muhibbah Negeri Pulau Pinang yang dianggotai sebanyak 16 organisasi atau pertubuhan yang mewakili setiap etnik utama negara ini.

Dengan adanya PEMENANG, segala isu berkenaan orang Melayu dapat terus diperjuangkan. Antara isu berkaitan sejarah Pulau Pinang yang dipejuangkan oleh PEMENANG termasuklah fakta berkenaan orang yang mula-mula membuka Pulau Pinang. Francis Light dikatakan sebagai individu terawal yang membuka Pulau Pinang namun bagi PEMENANG, sambil disokong oleh bukti-bukti kajian pengkaji sejarah dan sebagainya, Francis Light bukanlah individu terawal yang membuka Pulau Pinang.

Pulau Pinang adalah masih kepunyaan Kedah dan antara bukti kewujudan penempatan awal Melayu di Pulau Pinang termasuklah di Batu Uban. Nama-nama tempat seperti Batu Feringghi juga berlatarbelakangkan Melayu. Pulau Pinang yang pada mulanya kepunyaan Kedah hanyalah dipajakkan kepada British East India Company. Maka dengan itu PEMENANG sendiri masih lagi utuh untuk memperjuangkan isu-isu sebegini dan sekaligus menidakkan juga usaha-usaha sesetengah pihak yang berniat untuk memadam sejarah orang Melayu khususnya di Pulau Pinang.



Paparan kehidupan Melayu Tanjong dalam *Aci Patmabi* (2012)
karya Azmi Iskandar Merican

Melayu Tanjong semasa pendudukan Jepun

Pada satu ketika semasa British mentadbir Tanah Melayu, orang-orang Melayu khususnya di Pulau Pinang sememangnya mengharapkan Jepun untuk datang ke Tanah Melayu bagi menggantikan British. Ia berikutan tanggapan bahawa barangan Jepun yang lebih murah harganya serta corak pentadbiran yang dikatakan lebih baik. Namun demikian, ia ibarat "indah khabar dari rupa". Semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu boleh diibaratkan sebagai masa yang paling menyeksakan. Antara contoh betapa seksanya kehidupan orang Melayu pada ketika itu termasuklah penduduk Tanah Melayu terpaksa menggunakan guni sebagai pakaian berikutan bekalan pakaian yang terhad. Lebih menyedihkan, ada di antara orang Melayu yang terpaksa mengorek kubur orang yang baru sahaja dikebumikan bagi membolehkan mereka menjadikan kain kafan sebagai pakaian. Cerita mengenai ubi kayu bukanlah cerita asing. Sememangnya orang Melayu terpaksa berlapar disebabkan mereka hanya mampu untuk memperoleh bekalan nasi sekali sahaja dalam sehari.

Malayan Union dan UMNO

Berikutan penyesaan yang dialami semasa pendudukan Jepun, orang Melayu berazam untuk memastikan cengkaman penjajah di Tanah Melayu berakhir. Selepas Jepun meninggalkan Tanah Melayu, British kembali semula dan membawa bersama mereka gagasan yang dikenali sebagai Malayan Union. Ini diibaratkan sebagai kemuncak kepada kemarahan orang Melayu pada ketika itu. Ini kerana banyak

perkara yang berkaitan dengan orang Melayu akan terkesan termasuklah kedudukan Raja-raja Melayu dan yang paling penting, Tanah Melayu akan ditadbir oleh British di mana pusat pentadbirannya adalah di England. Kehadiran British semula dengan membawa Malayan Union disifatkan sebagai satu “kesilapan” kerana pada masa ini kesedaran orang Melayu berada di kemuncaknya. Mungkin jika Malayan Union tidak wujud pada ketika itu, berkemungkinan orang Melayu tidak akan menyedari tindakan licik British terhadap Tanah Melayu.

Kesimpulan

Justeru, satu-satu individu yang harus diingati dalam membangkitkan kesedaran dan menyatukan orang Melayu adalah Dato’ Onn bin Jaafar sendiri. Dato’ Onn menjelajah ke seluruh pelosok tanah air termasuklah ke Pulau Pinang sebelum mengadakan kongres di Kuala Lumpur yang menyaksikan penubuhan UMNO pada 1946. Bertitik tolak daripada itu juga timbul semangat untuk menuntut kemerdekaan daripada British tambahan pula pada ketika itu, jiran terekat, Indonesia baharu sahaj memperoleh kemerdekaan daripada penjajah Belanda dan ini menambahkan lagi semangat orang Melayu pada ketika itu untuk menuntut kemerdekaan. Orang Melayu Tanjong merupakan sebahagian dari landskap kebangkitan dan kesedaran nasionalisme Tanah Melayu.

(Teks diselaraskan oleh Ahmad Faizal Mohamed Fiah)